

Bahasa Melayu UASA 2024

Nota Bahagian C

- Pemindahan maklumat terbahagi kepada **tiga** jenis iaitu **ringkasan, rumusan dan ulasan**.
- Calon perlu belajar dan menguasai ketiga-tiga cara menjawab soalan bahagian ini walaupun hanya dua jenis sahaja yang akan ditanya dalam peperiksaan.
- Calon perlu membuat pilihan untuk menjawab mana-mana soalan yang diberikan sama ada ringkasan atau rumusan, ringkasan atau ulasan, rumusan atau ulasan.
- Ketiga-tiga pemindahan maklumat ini mestilah **tidak melebihi 100 patah perkataan**.
- Markah penuh bagi soalan ini ialah 15 markah
- Bagi item ringkasan dan rumusan, markah bahasa ialah 5 markah dan 10 markah isi.

Item Ringkasan

- Tidak perlu pendahuluan
- Mesti ada penanda wacana
- Calon lebih baik mengubah ayat menjadi ayat sendiri seperti menukarkannya kepada ayat pasif dan ayat songsang
- Bahasa dinilai secara *impression*

Bilangan isi	Markah
5	10
4	8
3	6
2	4
1	2

Aras Bahasa	Markah
Cemerlang	4 – 5
Baik	2 – 3
Memuaskan	1

Item Rumusan

- Calon perlu baca dan rumuskan (analitikal)
- Mesti ada idea utama (baca keseluruhan petikan)
- Contoh untuk memulakan perenggan bagi item rumusan ialah :-
(**Petikan membincangkan pencemaran sungai...**)
- Idea sampingan mesti ada enam
- Kesimpulan perlu ada cadangan/ harapan/ kesan
- Tidak terikat sama ada satu atau tiga perenggan

Isi	Bilangan Isi	Markah
Idea utama	1	2 (1 isi x 2 markah)
Idea sampingan	6	6 (6 isi x 1 markah)
Kesimpulan	1	2 (1 isi x 2 markah)

Aras Bahasa	Markah
Cemerlang	4 – 5
Baik	2 – 3
Memuaskan	1

Item Ulasan

- Bahan yang diberikan sama ada bahan grafik/ petikan prosa/ gambar rajah/ iklan dan lain-lain.
- Mesti ada isi tersurat dan tersirat
- Isi tersurat ialah isi yang diberikan di dalam gambar rajah manakala isi tersirat ialah isi yang perlu diberikan atau difikirkan oleh calon
- Jika tiada isi tersirat markah maksimum yang boleh diberi hanyalah **lapan markah** sahaja

Praktis Kendiri

Jawab semua soalan di bawah.

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang usaha-usaha mencegah penyakit tangan, kaki, dan mulut. Panjang ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 100 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Penyakit tangan, kaki, dan mulut atau dikenali sebagai Hand, Foot and Mouth Disease (HFMD) ialah penyakit yang sering berjangkit dalam kalangan kanak-kanak yang disebabkan jangkitan virus daripada kumpulan enterovirus. Penyakit ini merebak melalui sentuhan secara langsung dengan air liur, cecair hidung, cecair lepuh (blister), dan najis pesakit. Penyakit ini boleh menjangkiti sesiapa sahaja terutama kanak-kanak di bawah umur lima tahun. Jangkitan ini biasanya disebabkan amalan kebersihan diri kurang baik dan pendedahan kepada tempat atau persekitaran sesak yang mungkin meningkatkan lagi risiko penyebaran virus ini. Di Malaysia, pusat asuhan kanak-kanak menjadi tempat penularan HFMD dalam kalangan kanak-kanak yang mendapat khidmat jagaan mereka. Sebagai langkah pencegahan, pusat asuhan perlu menitikberatkan kebersihan rumah jagaan mereka setiap hari terutamanya pada sebelah petang ketika kanak-kanak telah pulang ke rumah masing-masing.

Semua peralatan permainan dan didikan kanak-kanak perlu dicuci dengan air yang bersih dan menggunakan pencuci berklorin mengikut sukatan yang betul. Pastikan tandas dibersihkan pada setiap masa menggunakan pencuci berklorin. Semua tuala atau kain yang digunakan perlu dibersihkan dengan sempurna. Meja dan kerusi perlu dilap dengan bersih menggunakan semburan pencuci klorin berkenaan. Pengasuh atau guru asuhan perlu mengamalkan kebersihan tangan yang betul menggunakan antiseptik yang sesuai terutamanya selepas membersihkan kanak-kanak atau selepas menukar lampin mereka. Mereka juga perlu membasuh tangan sebelum menyediakan dan memberikan makanan dan minuman kepada kanak-kanak. Amalan berkongsi pinggan atau cawan tidak dibenarkan sama sekali kerana boleh memburukkan lagi keadaan.

Bagi mengelakkan kanak-kanak yang dijangkiti menyebarkan penyakit ini, ibu bapa dinasihatkan untuk mengelakkan daripada membawa pesakit HFMD ke tempat awam agar penyakit ini tidak merebak. Ibu bapa atau penjaga juga dinasihatkan untuk membawa anak yang disyaki menghidap jangkitan HFMD berjumpa dengan doktor untuk mendapatkan rawatan. Anak juga harus diajar untuk menutup mulut dan hidung dengan tisu atau sapu tangan apabila bersin dan batuk.

Konklusinya, walaupun kadar penularan penyakit HFMD adalah tinggi, penyakit ini masih boleh dicegah sekiranya semua pihak memainkan peranan.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Langkah-langkah Mencegah Penyakit Tangan, Kaki, dan Mulut'
www.utusan.com.my, 14 Julai 2018)

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

_____patah perkataan

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 100 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Derma darah merupakan suatu amalan mulia yang bukan sahaja dapat memupuk nilai baik dalam air, tetapi yang paling penting turut membantu menyelamatkan nyawa orang lain. Akan tetapi di negara kita, amalan ini kurang mendapat sambutan terutama daripada golongan muda. Menyedari akan kepentingan amalan itu, pelbagai usaha perlu dilakukan untuk menggalakkan masyarakat menderma darah bagi memastikan bekalan di Bank Darah sentiasa mencukupi. Antara langkah tersebut ialah mengisytiharkan 14 Jun sebagai Hari Derma Darah Sedunia. Namun begitu, kempen menderma darah masih kurang mendapat sambutan tidak memenuhi jumlah keperluan darah yang diperlukan. Hal ini disebabkan kurangnya kesedaran tentang kepentingan menderma darah, selain kurang maklumat dan pendedahan tentang menderma darah. Malah, sambutan Hari Derma Darah Sedunia tidak diuar-uarkan untuk disambut sebagai usaha menyedarkan masyarakat tentang kepentingan menderma darah. Melalui amalan derma darah, bukan sahaja penerima darah menerima kelebihan bahkan terbukti bahawa penderma juga mendapat manfaat dengan menderma darah.

Antara manfaat menderma darah ialah penderma dapat merasai satu perasaan yang sangat menggembirakan apabila berjaya menolong doktor menyelamatkan nyawa orang lain. Selain itu, menderma darah secara konsisten dapat mengurangkan risiko kanser termasuk kanser hati, paru-paru, perut, dan tekak. Amalan menderma darah juga dapat mengurangkan jumlah zat besi yang berlebihan di dalam badan dan dapat menghindarkan risiko sakit jantung. Sebelum proses menderma darah bermula, seseorang penderma akan melalui beberapa pemeriksaan kesihatan percuma. Secara tidak langsung, hal ini dapat membantu mereka mendiagnosis sebarang penyakit pada peringkat awal sebelum penyakit tersebut menjadi makin teruk. Bersama dengan pemeriksaan kesihatan, penderma akan menerima dan mengetahui analisis darah serta jenis darah secara percuma. Jika kita pergi sendiri ke klinik atau hospital untuk mengetahui jenis darah atau analisis darah, sudah tentu dikenakan bayaran.

Setiap kali seseorang menderma darah, sebanyak 640 Kcal akan hilang. Hal ini boleh membantu seseorang yang ingin mengurangkan berat badan. Derma darah juga membolehkan penderma mengisi semula bekalan darah, membantu badan penderma berfungsi dengan lebih cekap dan dapat bekerja secara produktif. Oleh itu, usaha orang ramai untuk menderma darah amatlah dihargai.

Sebagai masyarakat yang penyayang, marilah kita menyokong kempen derma darah. Pengorbanan kita dalam menyelamatkan nyawa insan lain amat dihargai oleh pesakit dan keluarga pesakit, malah kita akan diberi ganjaran di sisi agama. Di samping itu, hidup kita juga akan diberkati Tuhan.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Derma Darah Kurang Dapat Sambutan Golongan Muda'
The Borneopost.com, 2015)

[illegible]

_____patah perkataan

[illegible]